

TAWARAN MELANJUTKAN PENGAJIAN MATRIKULASI UNISHAMS DENGAN TAJAAN PENDIDIKAN LZNK 2025 (KEMASUKAN JUN & OKTOBER 2025)

LZNK dengan sukacitanya sedang mencari pelajar asnaf miskin lepasan SPM yang berkelayakan dan ingin melanjutkan pelajaran dengan tajaan ke peringkat Matrikulasi **UniSHAMS** bagi sesi kemasukan **Jun & Oktober 2025**.

Apa kelebihan tajaan ini ?

- ✓ Pelajar yang layak temuduga dan tapisan akan menerima tajaan seperti berikut :
 - ✓ **Yuran Pengajian**
 - ✓ **Yuran Asrama**
 - ✓ **Elaun Sara Hidup**

- ✓ Penerima tajaan ini juga berpeluang menerima Tajaan Pendidikan LZNK diperingkat Ijazah Sarjana Muda di UniSHAMS (Menunjukkan prestasi yang baik dalam pengajian diperingkat ASASI).

- ✓ Kemasukan ke UniSHAMS akan diuruskan oleh LZNK selepas lulus temuduga dan disahkan menerima Tajaan LZNK.

- ✓ Semua Bidang Pengajian diperingkat Asasi di UniSHAMS adalah layak untuk dipilih dengan memohon kemasukan ASASI seperti berikut :

ASASI SAINS, ASASI PENGURUSAN & ASASI PENGAJIAN ISLAM.

Semak kelayakan anda di sini !!!

<https://bit.ly/AsasiUniSHAMS2025>

Bagaimana Cara untuk Memohon ?

- Aplikasi atas talian (Melalui Pautan) berikut :
<https://bit.ly/AsasiUniSHAMS2025>

Kepada seluruh ahli masyarakat, jika bertemu dengan golongan asnaf miskin yang berkelayakan, jom bantu mereka untuk dapatkan peluang tajaan pengajian dibawah asnaf miskin ini.

! Peringatan !

- Setiap permohonan dibuat secara atas talian

✔ Tarikh Tutup Permohonan?

📌 **31 Disember 2025**

📌 Calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk sesi temuduga

📌 Kuota adalah terhad.

✔ Sebarang persoalan boleh hubungi :

Divisyen Pendidikan Lembaga Zakat Negeri Kedah

☎ 1800-88-1740 sambungan ke Divisyen Pendidikan

Whatsapp : <http://wasap.my/6013-4592071>

✉ Email : pendidikan@zakatkedah.com.my

📘 Facebook : Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman

(Sumber rujukan : (Iklan Tawaran Melanjutkan Pengajian Matrikulasi UniSHAMS dengan tajaan Pendidikan LZNK 2025)

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Pemohon mestilah beragama Islam.
2. Pemohon sedang bermastautin / menetap di negeri Kedah (mengikut alamat surat tawaran) sekurang-kurangnya 2 tahun.
3. Proses permohonan kemasukan ke UniSHAMS akan diuruskan oleh LZNK untuk sesi pengajian 2025 (bagi pelajar yang belum buat permohonan).
4. Terbuka untuk semua bidang pengajian Asasi di UniSHAMS.
5. Permohonan dibuka kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
6. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya LIMA (5) kepujian dalam mana-mana mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan Sejarah.
7. Bagi Permohonan Asasi Sains, sekurang-kurangnya B dalam Fizik, Kimia, Biologi, Matematik dan Matematik Tambahan.
8. Keutamaan kepada asnaf fakir dan miskin atau berpendapatan rendah (B40).

(Sumber rujukan : (Iklan Tawaran Melanjutkan Pengajian Matrikulasi UniSHAMS dengan tajaan Pendidikan LZNK 2025)